

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING**  
**[ KULAI ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat terperinci berkenaan Projek Pusat Petroleum Bersepadu dan Taman Maritime Tanjung Piai yang dilaporkan telah menarik modal pelaburan bernilai RM21 bilion dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan apakah hubungan 1MDB dan Aabar Investments dengan Syarikat 1MY Strategic Oil Terminal Sdn. Bhd. yang dilaporkan terlibat dalam projek tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak pemaju, Spektrum Kukuh Sdn. Bhd. (SKSB) iaitu sebuah anak syarikat Benalec Holdings Berhad, telah menandatangani perjanjian dengan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor, State Secretary Inc dan juga dengan 1MY Strategic Oil Terminal Sdn Bhd pada 12 Mac 2013 untuk membangunkan kawasan persisiran barat Tanjung Piai sebagai sebuah pusat dan hab minyak dan gas yang bertaraf antarabangsa.

Projek Pusat Petroleum dan Petrokimia Bersepadu dan Taman Maritim Tanjung Piai dijangka melibatkan beberapa fasa kerja-kerja penambakan terlebih dahulu sebelum projek ini dapat dilaksanakan. SKSB baru mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) dan Laporan Kesan Hidrologi pada bulan Januari 2015 yang lalu bagi penambakan fasa pertama melibatkan kawasan seluas 1,080 ekar. Penambakan fasa pertama ini dijangka mengambil masa selama 4 tahun untuk disiapkan. Pihak pemaju kini sedang dalam proses mendapatkan hakmilik tanah dan juga kebenaran merancang. Projek pembangunan ini hanya akan bermula setelah permohonan hakmilik tanah dan kebenaran merancang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Usaha sama antara Kerajaan UAE dan 1MY Strategic Oil Terminal Sdn Bhd (1MY) pula adalah untuk membina kemudahan penyimpanan minyak mentah dan petroleum. Kemudahan penyimpanan tersebut akan

direka, dibina, dikendali dan diselenggarakan untuk kegunaan sepenuhnya UAE dan akan berfungsi sebagai rizab petroleum strategik mereka. Selain itu, berdasarkan maklumat yang diperolehi, pihak 1MDB dan Aabar Investments tidak terlibat dengan Projek Pusat Petroleum dan Petrokimia Bersepadu dan Taman Maritim Tanjung Piai.

Sekian, terima kasih.